

20 AUG 1996

Taib-S46

BN S'WAK SAMBUT BAIK KEMASUKAN SEMULA S46 KE DALAM UMNO

KUCHING, 20 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak menyambut baik langkah untuk membubarkan Parti Melayu Semangat 46 (S46) untuk membolehkan anggotanya menyertai Umno.

Pengerusinya, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud menyifatkan langkah itu yang merupakan "asal sireh balik ke gagang, asal pinang balik ke tampuk" sebagai bagus.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat penuh BN Sarawak di sini malam tadi, Ketua Menteri Sarawak itu berkata langkah itu jika bertujuan untuk mengukuhkan Umno, sekaligus turut memperkuatkan BN.

"Langkah itu yang terbaik untuk menyusun perjuangan orang Melayu...dengan cara lebih memanfaatkan bagi tempoh jangka panjang," katanya.

Abdul Taib berkata demikian ketika mengulas pengumuman presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah Ahad lepas bahawa S46 akan dibubarkan pada 6 Okt ini bagi membolehkan anggotanya menyertai Umno secara beramai-ramai.

Mengenai pilihan raya negeri, Abdul Taib berkata beliau akan mengemukakan senarai penuh calon-calon BN kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi BN Pusat, tidak lama lagi.

Semalam, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Datuk Harun Din mengumumkan bahawa hari penamaan calon bagi pilihan raya negeri Sarawak ditetapkan pada 27 Ogos manakala pengundian pada 7 dan 8 Sept.

Sebanyak 62 kerusi dipertandingkan, termasuk enam kerusi baru.

Abdul Taib juga enggan mengulas lanjut mengenai langkah bekas Naib Presiden Kanan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Dr Patau Rubis yang meletakkan jawatan dari parti itu untuk menyertai Parti Reformasi Negeri Sarawak (Star).

"Apa yang penting sangat mengenai Dr Patau...bagi seorang yang tidak setia, beliau tidak layak dianggap sebagai seorang yang penting," katanya.

-- BERNAMA

AHM AKD